

TRAIT PERSONALITI, IKLIM SEKOLAH DAN MINAT KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SMK

PERSONALITY TRAITS, SCHOOL CLIMATE AND INTEREST OF ENTREPRENEURSHIP CAREER AMONG SMK STUDENTS

Zunaini Mat Nawi¹

Faculty Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: naini5166@yahoo.com)

Norasmah Othman²

Faculty Education,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
(Email: lin@ukm.edu.my)

Accepted date: 28-05-2019

Published date: 08-07-2019

To cite this document: Nawi, Z. M., & Othman, N. (2019). Trait Personaliti, Iklim Sekolah dan Minat Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar SMK. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2(6), 51-65.

DOI: 10.35631/IJEMP.26005

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar SMK. Kajian juga bertujuan untuk melihat perhubungan dan perbezaan trait personaliti sebagai faktor dalaman dan iklim sekolah sebagai faktor luaran terhadap minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK. Dimensi trait personaliti terdiri daripada keterbukaan (*Openness*), ketelitian (*Conscientiousness*), dan extraversi (*Extroversion*). Dimensi iklim sekolah melibatkan faktor guru, aktiviti kurikulum dan kokurikulum serta sumber sokongan. Minat ialah pengaruh utama dan menjadi asas kepada seseorang dalam menceburi bidang keusahawanan. Pelajar SMK dilihat masih mempunyai maklumat yang kurang dan memiliki pengetahuan asas mengenai bidang keusahawanan menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap kerjaya keusahawanan. Iklim sekolah yang tidak menyokong menyebabkan bilangan pelajar berminat dalam bidang keusahawanan rendah. Pendekatan kuantitatif dipilih oleh pengkaji untuk mendapat dan memperoleh keterangan yang lebih muktamad. Seramai 384 orang responden dipilih daripada 2,030,683 orang pelajar SMK di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap skor min trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian korelasi mendapati terdapat hubungan antara trait personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK. Bagi iklim sekolah dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK terdapat hubungan yang signifikan sederhana antara iklim sekolah dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK. Ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara trait personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK. Manakala antara iklim sekolah dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK terdapat perbezaan yang signifikan.

Kata Kunci: Trait Personaliti, Iklim sekolah, Minat Kerjaya Keusahawanan, Keperibadian *Big Five*

Abstract: *This study aims to see personality traits, school climate and entrepreneurship career interests among SMK students. The study also aims to see relationships and personality trait differences as an internal factor and school climate as an external factor in the entrepreneurship career of SMK students. The dimensions of personality traits consist of Openness, Conscientiousness, and extraversion. School climate dimensions involve teacher factors, curriculum and co-curricular activities as well as supporting resources. Interest is a major influence and becomes the basis for someone in venturing into entrepreneurship. SMK students are seen to have less information and have basic knowledge about entrepreneurship, so students are not interested in entrepreneurship career. The unsupportive school climate causes the number of students interested in low entrepreneurship. Quantitative approaches are chosen by researchers to obtain and obtain more conclusive evidence. A total of 384 respondents were selected from 2,030,683 SMK students in Malaysia. The findings show that the level of personal trait score, the school climate and the entrepreneurial career interests of SMK students are at moderate level. The findings of the correlation study found that there was a relationship between the personality traits and the entrepreneurial career interests of SMK students. For the school climate with entrepreneurial entrepreneurship career, SMK students has a significant relationship between the school climate and the entrepreneurial interest. T test shows that there is no significant difference between the personality traits and the entrepreneurial career interests of SMK students. While between school climate and SMK students' entrepreneurial career interest there is a significant difference.*

Keywords: *Personality Trait, School climate, Entrepreneurship Career Interest, Big Five Personality*

Pengenalan

Trait personaliti merupakan watak, keperibadian dan sahsiah yang dimiliki oleh seseorang individu (Zulelawati & Yusni 2015). Ia juga merupakan satu set ciri-ciri dalaman atau faktor dalaman individu yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku dalam konteks yang berbeza berdasarkan persekitaran dan budaya (Sajjad et al. 2012). Personaliti juga merupakan pola, bentuk tingkah laku dan trait yang dijemakan untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian (Zulelawati & Yusni 2015). Ia merujuk kepada sekumpulan ciri-ciri yang dimiliki dalam diri yang menjadikan individu itu unik (Ravi 2015). Pembudayaan keusahawanan merupakan proses pembangunan personaliti iaitu faktor dalaman yang akhirnya membolehkan individu usahawan itu bertindak mengikut dan berdasarkan tuntutan moral, etika dan akhlak (Mohd Mazlan 2015).

Sehubungan dengan itu, keusahawanan bukan sahaja mampu menjadi pilihan kerjaya masa kini, malah dapat melahirkan individu yang memiliki personaliti unik (Mohd Shahrir 2015). Selain faktor dalaman, faktor luaran juga boleh dijadikan kayu ukur dalam menilai minat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan. Penekanan kajian untuk faktor luaran adalah berkaitan persekitaran dan iklim sekolah. Iklim sekolah dikenali sebagai satu kualiti dan interaksi atau perhubungan interpersonal yang konsisten dalam komuniti sekolah yang mempengaruhi perkembangan kognitif, sosial dan psikologi pelajar (Bear et al. 2014). Manakala Voight et al. (2015) menyatakan iklim sekolah sebagai pengalaman dan proses sosial atau pengaturan sosial

yang mempengaruhi konsep dan pengukuran psikolinguistik pelajar. Teori Gestalt, Teori Fungsional dan Teori Naive Psychology yang dikemukakan oleh Schnelder (1975) adalah teori paling awal yang menjelaskan tentang iklim sekolah. Teori ini mengemukakan dua andaian asas iaitu pelajar cenderung mengenal pasti dan menguasai persekitarannya secara tersusun melalui pemerhatian (Syamimi et al. 2016). Manakala andaian kedua adalah pelajar bertindak untuk menyesuaikan tingkah laku bagi memahami persekitaran agar dapat bertindak dengan efektif dan efisien.

Pernyataan Masalah

Permasalahan wujud apabila pendekatan trait personaliti dikatakan sebagai bukan pendekatan terbaik berbanding pendekatan sikap dalam menerangkan minat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan (Baharu & Mohammed Zain 2013). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suhaila et al. (2016) tidak semua pelajar yang aktif dalam aktiviti keusahawanan berjaya direkrut menjadi usahawan. Pelajar yang terlibat dalam program tersebut tidak dapat dikesan dan diukur berhubung dengan trait personaliti dan minat mereka terhadap keusahawanan (Baharu & Mohammed Zain 2013).

Kegagalan juga didapati berhubung kait dengan kekurangan kompetensi pelajar dalam pembudayaan keusahawanan di sekolah. Guru-guru tidak berkomitmen menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap kerjaya keusahawanan. Zulfaka et al. (2014) telah melakukan kajian dan mendapati di sekolah terdapat kekangan dan batasan guru-guru untuk mengintegrasikan subjek lain dengan keusahawanan. Hal ini akan memberi kesan kepada usaha untuk membentuk trait personaliti dan iklim sekolah yang bersesuaian. Permasalahan akan menjadi lebih rumit andai tiada inisiatif untuk mengintegrasikan dan menghubungkan kurikulum sains dengan bidang keusahawanan. Bagaimana hasrat dan matlamat kerajaan untuk melahirkan modal insan dan pelajar yang cemerlang dalam bidang keusahawanan dapat dicapai.

Masalah dan isu juga wujud apabila pelajar SMK dikatakan mempunyai maklumat yang asas dan pengetahuan yang sedikit berkaitan kerjaya keusahawanan. Ia boleh memberi tekanan kepada pelajar. Hal ini akan menjadi faktor pelajar tidak berminat apabila menjalankan aktiviti berkaitan keusahawanan (Siti Syuhada et al. 2015; Fatimahwati & Chieng 2016). Sekiranya pelajar melakukan aktiviti yang diminati dalam keadaan tertekan, secara tidak langsung tahap motivasi atau minat yang ada dalam diri akan semakin menurun dan berkurangan. Hal ini juga terbukti apabila ujian Self-Directed Search (*SDS*) dijalankan oleh unit Kaunseling dan Kerjaya Bahagian Pelajaran dan Latihan Menengah MARA (BPLM) pada tahun 2008. Berdasarkan kajian BPLM, mendapati majoriti pelajar tidak meminati kerjaya keusahawanan dan tidak memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah tamat pengajian (Syazwani & Iklima 2015).

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap trait personaliti pelajar SMK.
2. Mengetahui tahap iklim sekolah yang menyokong minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.
3. Mengetahui tahap minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.
4. Mengetahui hubungan trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.
5. Mengetahui perbezaan signifikan trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.

Kajian Literatur

Pengkaji akan membuat sorotan kajian penulisan berkaitan trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan dalam bab ini. Bagi membincangkan aspek trait personaliti, pengkaji menggunakan teori utama iaitu Teori Keperibadian *Big Five*. Bagi aspek iklim sekolah pula, pengkaji menggunakan Model Iklim Sekolah Tefy & Teddli (2008). Selain itu, Schnelder (1975) telah mengemukakan teori berkaitan iklim sekolah. Teori tersebut antaranya Teori Gestalt, Teori Fungsional dan Teori Naive Psychology. Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) dan Model Kecenderungan Keusahawanan Shapero (1982) pula dijadikan sebagai teori rujukan untuk menjelaskan tentang minat kerjaya keusahawanan.

Minat Kerjaya Keusahawanan

Minat merupakan pengaruh utama dan penting yang menjadi asas kepada pelajar untuk terlibat dalam bidang keusahawanan (Syazwani & Iklima 2015). Ia bergantung kepada keupayaan dan komitmen pelajar agar matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. Dalam hal ini, minat juga mempunyai hubungan dengan kecenderungan pelajar untuk lebih mengetahui dan mempelajari sesuatu perkara. Dalam usaha memupuk minat pelajar, kegiatan keusahawanan di sekolah perlu mengutamakan proses memupuk dan melahirkan keinginan untuk terlibat dengan aktiviti berkaitan kemahiran keusahawanan. Keupayaan dan kebolehan pelajar meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko, kreativiti dan inovasi akan memberi pendedahan awal kepada pelajar berkaitan keusahawanan (Eriniwati Aliza 2014).

Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero & Shokol (1982) menjelaskan tiga elemen berkaitan minat terhadap keusahawanan iaitu keinginan tertanggap, kebolehlaksanaan tertanggap dan kecenderungan untuk bertindak (Baharu & Mohammed Zain 2013). Baharu & Mohammed Zain (2013) menyatakan keinginan tertanggap adalah pengalaman yang diperolehi pelajar. Teori Tingkah Laku Terancang Azjen (1991) menjelaskan tentang kecenderungan adalah faktor motivasi yang mempengaruhi minat terhadap kerjaya keusahawanan. Berdasarkan teori ini, sebarang keputusan pelajar terhadap trait personaliti bergantung kepada sikap terhadap kelakuan (nilai peribadi). Ia merupakan tahap sokongan terhadap tingkah laku, norma subjektif (kepercayaan untuk melakukan sesuatu atau tidak) dan tanggapan kawalan tingkah laku (sejauh mana pelajar berupaya untuk mengawal tingkah laku dengan memiliki trait personaliti yang proaktif).

Pernyataan di atas disokong oleh Kabui & Maalu (2012) yang menjelaskan mengapa pelajar memilih untuk menjadi usahawan dan mengapa mereka terlibat dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan teori ini, tingkah laku keusahawanan dipengaruhi oleh sikap terhadap kelakuan, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Berdasarkan teori ini, pelajar berminat terhadap bidang keusahawanan disebabkan trait personaliti pelajar yang berani mengambil risiko, kreatif dan sanggup menghadapi halangan (Eriniwati Azliza 2014). Menurut Mohd Shahrir (2015) seseorang pelajar perlu mempunyai kemahiran, berkebolehan untuk menilai persekitaran dan memiliki idea untuk berniaga. Pengetahuan dan kemahiran ini boleh dipelajari melalui kurikulum dan kokurikulum di sekolah sama ada secara formal atau tidak formal (Mohd Shahrir 2015).

Faktor Dalaman dan Faktor Luaran

Model sistem dalaman telah diutarakan oleh Hoy & Miskel (2008). Ia adalah berkaitan iklim sekolah (pendidikan) yang berlandaskan sosial (perhubungan). Model ini menjelaskan tentang masalah sosial dan psikologi pelajar di sekolah. Faktor dalaman dan luaran mempengaruhi aktiviti di antara pemboleh ubah untuk menjadi lebih kukuh. Input memberi penekanan kepada dimensi kompetensi sekolah (iklim sekolah) yang bersesuaian dengan bentuk dan perancangan

pengajaran dan pembelajaran (pdp). Analisis perlu dimulakan dengan menganalisis trait personaliti yang dimiliki pelajar yang boleh dianggap berkompetensi terhadap kerjaya keusahawanan.

Faktor luaran merupakan perkara diluar jangkaan pelajar seperti status sosio-ekonomi, persekitaran, komuniti dan penglibatan ibu bapa (Fatimahwati & Chieng 2016). Menurut Fatimahwati & Chieng (2016), ibu bapa berperanan melaksanakan perubahan dan memperbaiki keadaan sedia ada. Tingkah laku pelajar boleh berubah mengikut persekitaran yang berlaku. Ia disebabkan oleh pemikiran dan trait personaliti pelajar (Shafinaz 2017). Perhubungan ini menurut Bandura (1986) adalah konsep timbal balik (*reciprocal determinism*). Timbal balik ini meliputi faktor dalaman berbentuk kognitif, tingkah laku dan pengaruh persekitaran (faktor luaran) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Perhubungan Timbal Balik oleh Bandura (1986)

Sumber: Shafinaz (2017)

Trait Personaliti

Trait personaliti yang selaras dengan kerjaya membolehkan kepuasan diri diperolehi dan secara tidak langsung dapat menjiwai kerjaya yang dimiliki (Zulelawati & Yusni 2015). Ia dipengaruhi oleh jantina, kedudukan, penempatan, agama, budaya, bahasa dan politik. Zulelawati & Yusni (2015) juga menyatakan trait personaliti adalah tetap bagi tempoh masa tertentu dan dapat dikesan dengan jelas berdasarkan situasi yang berlaku. Kajian lepas memberi petunjuk trait personaliti mempunyai perkaitan penting dalam keputusan pelajar untuk meminati kerjaya keusahawanan (Wan Mohd Zaifurin et al. 2016). Wan Mohd Zaifurin et al. (2016) juga mendapati pelajar sekolah menengah mempunyai trait personaliti keusahawanan sederhana kerana motivasi kejayaan dan kesanggupan mereka mengambil risiko tidak terlalu positif. Sebagai contoh, di dua buah sekolah menengah di Ipoh, Perak. Pelajar ini mempunyai lokus kawalan dan keperluan pencapaian untuk berjaya kerana mereka percaya mereka boleh mengawal kehidupan dan memiliki minat yang kuat bidang keusahawanan (Wan Mohd Zaifurin et al. 2016). Trait personaliti pelajar yang proaktif dan mempunyai kecenderungan bertindak berupaya mengubah persekitaran dan mendorong pelajar meminati kerjaya keusahawanan (Baharu & Mohammed Zain 2013).

Personaliti *Big Five* adalah pendekatan berkaitan psikologi keperibadian. Ia memberi fokus dengan mengumpulkan trait personaliti manusia dan membuat analisis faktor-faktor yang membentuk trait personaliti individu (Syamimi et al. 2016). Tokoh yang mengutarakan personaliti *Big Five* adalah Allport (1961). Hasil kajian terdahulu, mendapati dimensi personaliti ekstrovert dan ketelitian dapat memberi impak yang positif terhadap kejayaan berkaitan kerjaya individu (Al-Mansor 2015). Costa et al. (2000) menyatakan bahawa Teori Keperibadian *Big Five* adalah model yang paling menonjol untuk menilai tentang minat kerjaya

keusahawanan. Beberapa pengkaji mendapati dengan menggunakan metodologi analisis sifat dibahagikan kepada lima faktor penting yang membolehkan penyelidik menyederhanakan kajian berkaitan trait personaliti pelajar terhadap minat kerjaya keusahawanan (Sherry 2014).

Selain itu, keperibadian *Big Five* digunakan apabila pengkaji ingin melihat peranan individu dalam menilai keperibadian untuk melihat sejauhmana minat kerjaya keusahawanan pelajar (Ziegler et al. 2014). Setiap dimensi trait personaliti memberi kesan kepada tingkah laku di pelbagai peringkat dalam pemilihan kerjaya (Holila & Mastura 2015). Holila & Mastura (2015) juga menyatakan teori ini merupakan satu cara untuk mengukur ciri, tingkah laku, dan sikap individu terhadap minat kerjaya keusahawanan. Robbins & Judge (2013) menyatakan teori keperibadian *Big Five* adalah teori berkaitan trait personaliti. Setiap dimensi teori keperibadian *Big Five* mempunyai maksud dan ciri-ciri tertentu yang akan menjawab persoalan bagaimana teori keperibadian *Big Five* sesuai untuk melihat tahap minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.

Klim Sekolah


Sekolah memainkan peranan dalam sistem sosial masyarakat (Shafinaz 2017). Ia terdiri daripada sekumpulan manusia yang saling berinteraksi dan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat. Ia juga melibatkan komunikasi antara ahli di dalamnya secara timbal balik. Model teori dan pengukuran iklim sekolah melibatkan perhubungan, keselamatan, sumber fizikal sekolah dan disiplin (Mohd Faizul et al. 2016). Elemen-elemen tersebut menurut Mohd Faizul et al.(2016) akan memberi kesan positif atau kesan negatif kepada persekitaran dan keadaan iklim sekolah. Ia juga akan menentukan tingkah laku individu yang terlibat dan mempengaruhi antara satu sama lain melalui penerapan nilai-nilai kemasyarakatan dan harapan terhadap sesuatu matlamat. Tingkahlaku di dalam iklim sekolah melibatkan kepimpinan, proses sosialisasi, motivasi, perhubungan dalam masyarakat, perhubungan interpersonal, proses kumpulan, dinamika kumpulan, peranan sikap dan tingkah laku kumpulan (Shafinaz 2017). Ia seterusnya akan menghasilkan iklim sekolah.

Model Iklim Sekolah Tefy & Teddli (2008) adalah model pencampuran budaya dan iklim sekolah. Model ini membahagikan budaya dan iklim sekolah kepada empat dimensi utama iaitu orientasi profesional, struktur organisasi, suasana pembelajaran yang berkualiti dan fokus kepada pelajar (Mohd Faiz et al. 2016). Menurut Syamimi et al. (2016), dimensi iklim sekolah melibatkan struktur, ganjaran, sokongan, perhubungan mesra dan identiti. Manakala dimensi spesifik iklim sekolah yang melibatkan pelajar sekolah menengah di California menggariskan perkara berkaitan keselamatan, hubungan pelajar dengan orang dewasa dan peluang penyertaan pelajar dalam aktiviti bermakna dan diminati berdasarkan persekitaran pelajar di sekolah (Voight et al. 2015).

Shapero (1998) menyatakan kecenderungan bertindak berkait rapat dengan keupayaan pelajar dalam mengawal dan memanipulasi persekitaran dan iklim sekolah (Baharu & Mohammed Zain 2013). Ia merujuk kepada psikologikal, sosial dan pedagogi kurikulum yang akan memberi kesan kepada minat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan (Ahzilah et al. 2017). Iklim sekolah yang positif akan membantu kemampuan pelajar untuk belajar, memberi kerjasama semasa pembelajaran, meningkatkan kepercayaan dan meningkatkan perasaan untuk saling menghormati dalam kalangan pelajar (Mohamad Adnan et al. 2016). Ia juga berupaya membentuk minat pelajar terhadap kerjaya keusahawanan. Dalam hal ini guru berperanan penting untuk membangunkan minat terhadap keusahawanan kerana pengetahuan dan kemahiran keusahawanan guru menjadi inspirasi kepada pelajar (Azmi et al. 2012).

Kerangka Kajian

Rajah 2 merupakan kerangka yang dibina menunjukkan proses yang dilalui dalam mengenal pasti trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawana pelajar SMK. Melalui kerangka konseptual juga pengkaji akan menilai tahap, hubungan dan perbezaan trait personaliti, iklim sekolah dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi

Kajian trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini melibatkan seramai 384 orang pelajar SMK sebagai sampel dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata dan memilih mengikut kategori dan jenis sekolah. Ia ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970). Secara keseluruhan jumlah populasi kajian adalah seramai 2,030,683 orang pelajar SMK (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018). Pengkaji menggunakan teknik persampelan berkelompok dan teknik perkadaran (*propotion*) bagi menentukan jumlah sampel berdasarkan zon (Syafinaz 2017). Bagi mengecilkan saiz sampel kajian, pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Pengkaji membuat undian melalui cabutan di dalam balang bagi menentukan jenis sekolah berdasarkan zon.

Kajian rintis turut dijalankan kepada 30 orang pelajar SMK. Pengkaji menggunakan kesahan konstruk. Kesahan konstruk dalam kajian rintis ini telah dinilai menggunakan analisis korelasi Pearson. Hasil analisis dapatan kajian korelasi bagi minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK melebihi daripada 0.30 dan ini telah membuktikan bahawa item dalam soal selidik telah dicapai. Kebolehpercayaan turut dijalankan dalam kajian dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* untuk mengukur kebolehpercayaan data kerana pengukuran soal selidik yang digunakan oleh pengkaji menggunakan skala Likert. Hasil nilai *Cronbach Alpha* minat kerjaya keusahawanan dan iklim sekolah adalah 0.91. Manakala trait personaliti nilai alfa adalah 0.86.

Nilai ini menunjukkan instrumen soal selidik bagi kajian ini boleh diguna pakai dalam kajian sebenar.

Instrumen soal selidik yang dibina merupakan adaptasi dan adoptasi daripada kajian lepas. Data dan maklumat yang diperolehi diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22. Dua jenis statistik digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif akan digunakan bagi menganalisis setiap item yang terdapat dalam soal selidik. Bagi menilai statistik deskriptif frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan. Manakala, analisis statistik inferensi digunakan dalam kajian untuk mengukur hubungan pemboleh ubah. Ujian t digunakan dalam kajian bagi mengukur jika terdapat perbezaan min yang signifikan trait personaliti, iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan.

Dapatan Kajian

Jadual 1 merupakan profil demografi responden secara terperinci. Ia dianalisis menggunakan frekuensi dan peratus mengikut kategori setiap profil demografi iaitu jantina, umur dan zon (jenis sekolah).

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Profil Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	203	52.9
	Perempuan	181	47.1
Umur	15 Tahun	91	23.7
	16 Tahun	117	30.5
	17 Tahun	176	45.8
Zon (Jenis Sekolah)	Barat (SM Berasrama Penuh)	111	12.2
	Timur (SMKAB)	60	15.6
	Utara (SMT/V)	89	23.2
	Selatan (SM Seni dan Sukan)	47	28.9
	Sabah (SMKA)	38	9.9
	Sarawak (SMK Harian)	39	10.2

Jadual 2 merupakan dapatan skor min, sisihan piawai dan tahap skor min setiap trait personaliti pelajar SMK. Secara keseluruhan purata skor min bagi tahap trait personaliti pelajar SMK ialah 3.81 dan sisihan piawai ialah 0.77. Maklumat ini menunjukkan tahap trait personaliti pelajar SMK berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 2: Tahap Trait Personaliti Pelajar SMK

Trait Personaliti	Min	S. P	Tahap Skor Min
Keterbukaan	3.77	0.83	Sederhana Tinggi
Ekstraversi	3.89	0.79	Sederhana Tinggi
Ketelitian	3.77	0.73	Sederhana Tinggi
Purata	3.81	0.78	Sederhana Tinggi

Jadual 3 menunjukkan dapatan skor min, sisihan piawai dan tahap skor min iklim sekolah yang menyokong minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK. Jumlah purata keseluruhan skor min bagi iklim sekolah adalah 3.56 dan sisihan piawai 3.56. Keseluruhan iklim sekolah yang menyokong minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 3: Iklim Sekolah yang Menyokong Minat Kerjaya Keusahawanan Pelajar SMK

Iklim Sekolah	Min	S. P	Tahap Skor Min
Faktor Guru	3.80	0.82	Sederhana Tinggi
Kurikulum dan kokurikulum	3.45	0.95	Sederhana Tinggi
Sumber Sokongan	3.45	0.90	Sederhana Tinggi
Purata	3.56	0.89	Sederhana Tinggi

Berdasarkan maklumat skor min ini, tahap minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan menunjukkan tahap minat kerjaya keusahawanan pelajar perempuan 3.82 adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki 3.68. Jadual 4 menunjukkan tahap minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK berdasarkan jantina.

Jadual 4: Tahap Minat Kerjaya Keusahawanan Pelajar SMK berdasarkan Jantina

Kategori	Skor Min	S.P	Tahap Skor Min
Lelaki	3.68	0.62	Sederhana Tinggi
Perempuan	3.82	0.69	Sederhana Tinggi
Purata	3.75	0.66	Sederhana Tinggi

Jadual 5 menunjukkan pekali korelasi *Pearson* antara trait personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK iaitu $r=0.37$, $p=0.00$ ($p<0.05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi yang positif. Kekuatan hubungan ini adalah pada tahap yang lemah. Hal ini menolak hipotesis nul. Terdapat hubungan signifikan yang lemah antara trait personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.

Jadual 5: Hubungan Antara Trait Personaliti dengan Minat Kerjaya Keusahawanan Pelajar SMK

	r	Sig.	Tahap Kekuatan Hubungan
Iklim Sekolah dengan Minat Kerjaya Keusahawanan	0.58	0.00	Sederhana

Jadual 6 menunjukkan pekali korelasi *Pearson* antara iklim sekolah dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK iaitu $r=0.58$, $p=0.00$ ($p<0.05$). Nilai r menunjukkan pekali korelasi yang positif. Kekuatan hubungan ini adalah pada tahap yang sederhana. Hal ini menolak hipotesis nul. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan yang sederhana antara iklim sekolah dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK.

Jadual 6: Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Minat Kerjaya Keusahawanan Pelajar SMK

	n	Min	s.p	Nilai t	Sig.p
Trait Personaliti dengan Minat Kerjaya Keusahawanan	384	0.06	0.66	1.67	0.10

Dapatan analisis ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara trait personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK kerana nilai p adalah lebih besar daripada 0.05 ($t=1.67$, $p=0.10$). Dapatan ini menunjukkan bahawa hipotesis nul gagal ditolak. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara trait personaliti dengan minat kerjaya keusahawanan pelajar SMK. Skor min adalah 0.06. Dapatan dipamerkan dalam Jadual 7 di bawah ini.

Jadual 7: Keputusan Ujian t Perbezaan antara Trait Personaliti dengan Minat Kerjaya Keusahawanan Pelajar SMK

	n	Min	s.p	Nilai t	Sig.p
Iklm Sekolah dengan Minat Kerjaya Keusahawanan	384	0.20	0.58	6.62	0.00

*Signifikan pada aras $p<0.05$

Dapatan analisis ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara iklim sekolah dan minat kerjaya keusahawanan pelajar kerana nilai p adalah lebih kecil daripada 0.05 ($t=6.62$, $p=0.00$). Keputusan ini menunjukkan bahawa hipotesis nul ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara iklim sekolah dengan minat kerjaya pelajar SMK. Skor min adalah 0.20. Dapatan dipamerkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Keputusan Ujian t Perbezaan antara Trait Personaliti dengan Minat Kerjaya Keusahawanan Pelajar SMK

	n	Min	s.p	Nilai t	Sig.p
Iklm Sekolah dengan Minat Kerjaya Keusahawanan	384	0.20	0.58	6.62	0.00

*Signifikan pada aras $p<0.05$

Implikasi Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia

Sekiranya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermatlamat ingin melahirkan lebih ramai pelajar yang berminat terhadap kerjaya keusahawanan proses pembelajaran yang relevan perlu direkabentuk. Ia juga perlu diolah dan disesuaikan agar semua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) terlibat dalam aktiviti keusahawanan di peringkat sekolah. Proses pembelajaran di peringkat sekolah perlu meliputi aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang melibatkan semua pelajar pelbagai aliran. Kajian secara berterusan perlu dilakukan agar keberkesanan dan kesesuaian kurikulum dan aktiviti kokurikulum dapat ubah sesuai dengan perubahan dan peredaran masa.

Sekolah

Di peringkat sekolah selain pengajian secara formal aktiviti sampingan perlu di susun agar pelajar mendapat pendedahan dan memberi peluang pelajar menghayati budaya keusahawanan. Pihak pentadbir dan guru perlu merancang aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mengandungi elemen dan unsur keusahawanan agar dapat membangunkan minat dan kemahiran yang relevan di sekolah. Antara kemahiran yang boleh diterapkan adalah berkaitan menganalisa peluang perniagaan, pemasaran produk, pengurusan kewangan dan keusahawanan strategik yang meliputi kepimpinan, pengagihan sumber serta pengurusan prestasi.

Dalam usaha menerapkan minat terhadap kerjaya keusahawanan pelajar, pihak sekolah perlu menerapkan pengetahuan dan kemahiran diperlukan. Ia dapat meningkatkan keyakinan dan membentuk kepercayaan yang tinggi untuk mengembangkan potensi selaras dengan keperluan kerjaya keusahawanan. Ia menunjukkan bahawa sesungguhnya, aspek iklim sekolah (faktor luaran) adalah satu aspek yang perlu dititik beratkan di semua organisasi pendidikan kerana sumbangannya yang positif kepada minat kerjaya keusahawanan pelajar. Dapatan ini juga dapat memberi sumbangan dan panduan kepada pihak sekolah supaya menitikberatkan elemen proses membuat keputusan untuk memupuk minat pelajar SMK terhadap minat kerjaya keusahawanan.

Pelajar

Pelajar yang mempunyai minat dan mempunyai trait personaliti (faktor dalaman) terhadap keusahawanan perlu diberi perhatian untuk melihat perkembangan dan pembangunan mereka. Sebagaimana dapatan, trait personaliti ekstraversi, keterbukaan dan ketelitian yang dimiliki pelajar SMK selari dengan ciri-ciri sebagai seorang usahawan. Azmi et al. (2012) menyenaraikan ciri-ciri usahawan seperti tabah, bersemangat, bertanggungjawab, berkeyakinan, berani, bebas, berpandangan jauh, tidak putus asa, berwawasan, kreatif dan proaktif. Ciri-ciri yang dimiliki pelajar SMK akan membentuk semangat bekerjasama dan keyakinan diri. Secara tidak langsung dapat menguji kemampuan pelajar. Ia juga berupaya memupuk budaya ingin tahu dan budaya ingin mencuba benda baharu dalam kalangan pelajar SMK.

Cadangan Kajian

Aktiviti sokongan di peringkat sekolah perlu bergerak secara bersepadu dengan kurikulum standard. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu menyediakan kurikulum standard untuk melahirkan pelajar yang berminat terhadap kerjaya keusahawan. Ia merupakan satu pendekatan dalam usaha untuk memahami, membimbing dan menyokong pelajar agar dapat meningkatkan kesediaan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan pada masa hadapan.

Kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Malaysia. Kajian ini tidak memberikan fokus kepada kategori sekolah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. Trait personaliti pelajar dan iklim sekolah adalah berbeza untuk sekolah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. Kajian selanjutnya boleh dijalankan merujuk kepada sekolah berprestasi tinggi, sederhana dan rendah. Kajian juga boleh dilakukan bagi mengkaji hubungan antara iklim di dalam dan di luar sekolah yang juga berbeza mengikut kategori sekolah.

Rujukan

- Affzalina Hassan & Nor Aishah Buang.(2017). Perbandingan Tahap Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Keusahawanan Dengan Tahap Perancangan Berniaga Mahasiswa Jurusan Sains. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*,(1):86–99.
- Ahzilah Wahid, Norashidah Hashim & Amlus Ibrahim.(2017).Hubungan Persekitaran Universiti Terhadap Niat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Keusahawanan. *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)*,(1):136–149.
- Al-Mansor Abu Said, Roziyah Mohd Rasdi, Bahaman Abu Samah & Abu Daud Silong.(2015). Pembangunan Kerangka Kerja Bagi Kejayaan Kerjaya Ahli Akademik Universiti Penyelidikan Di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 33:121–159.
- Azizan Ahmad.(2017). Model Falsafah Sains Dan Keusahawanan Sains Islam : Analisis Berdasarkan Model Persamaan Struktural. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 16:73-84.

- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. (2012). Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan Dalam Perniagaan. *E-Bangi Journal of Human Sciences and Humanities*, (1):34 – 45.
- Baharu Kemat Al-Haj & Mohammed Zain Yusof. (2013). Sikap Keusahawanan dan Hasrat Keusahawanan: Satu Penilaian Instrumen dalam Mengkaji Kecenderungan Keusahawanan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15: 61-69
- Bear G., Chunyan Yang, Pell M & Gaskins C. (2014). Validation of a brief measure of teachers' perceptions of school climate: relations to student achievement and suspensions. *Learning Environ Res*, 17:339–354.
- Costa, P. T., & McCrae, R. R. (2000). Revised NEO Personality Inventory. PAR Psychological Assessment Resources, Inc. North Florida.
- Eriniwati Aliza Binti Miaat. (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan. Laporan projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
- Evonne Lai Eng Fei & Crispina Gregory K Han. Hubungan Kepimpinan Pengetua Dan Iklim Sekolah Dengan Motivasi Guru. (2017). Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017: 22-34
- Farrah Syamimi Binti Che Ros. (2016). Trait Personaliti Graduan Wanita Di Malaysian Technical University (MTU). Laporan Projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Fatimahwati Halim & Ling Sin Chieng. (2016). Hubungan Antara Determinasi Kendiri, Personaliti Big Five Dengan Motivasi Pencapaian Dan Pencapaian Akademik. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2):114-126.
- Fatin Izzaty Mohd Hanaffi & Halimah M. Yusof. (2017). Hubungan antara personaliti Big Five dan tekanan kerja di sektor perbankan. *The Colloquium*, 11: 3-6
- Goldberg, L. R. (1990). An Alternative "Description of Personality": The Big Five Factor Structure. *Journal of Personality and Social Psychology*, 59:1216-1229.
- Ha Yeon Kim, Schwartz K., Cappella E. & Seidman E. (2014). Navigating Middle Grades: Role of Social Contexts in Middle Grade School Climate. *Am J Community Psychol*, 54: 28–45.
- Holila & Mastura Mahfar. (2015). A Review of Big Five Personality and Job Performance among employees. *International Conference On Human Resource Development 2015*:57-61.
- Ibrahim Mohammad & Khairuddin Abdullah. (2017). Tingkah Laku Kepimpinan Transformasi Pengetua, Komitmen Organisasi Sekolah Dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Pedalaman Sabah. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017.
- Jumali Hj Selamat, Khaidzir Hj Ismail, Kadaruddin Aiyub, Kadir Arifin, Lukman Z. Mohamad, Roslee Rajikan, Azahan Awang, Mohd. Helmi Abd Rahim, Farhana Abdullah & Nur Ain Kamal. (2012). Tahap Kefahaman dan Penerimaan Pelajar Tahun 2 Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Kontrak Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15:35-43.
- Kabui E.W. & Maalu J.K. (2012). Perception of Entrepreneurship as a Career by Students from Selected Public Secondary Schools in Nairobi. *DBA Africa Management Review 2012*, 3:101-120.
- McGraw-Hill. (2008). *Organizational Behavior: Emerging Realities for the Workplace Revolution (Fourth Edition)*. New York: The McGraw-Hill Companies Inc.
- Mohamad Adnan Bin Mohamad Kasim, Siti Noor Binti Ismail, Suhaila Binti Mohammad & Hasliza Binti Ibrahim. (2016). Iklim Sekolah Dan Komitmen Guru Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan. *Proceeding of ICECRS*: 699-708.

- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor & Nurzatulshima Kamarudin. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT):Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, (1):1-5.
- Mohd Affendi Bin Arifin, Muhamad Suhaimi Taat & Vincent Pang. (2017). Penilaian Program 1 Murid 1 Sukan: Kualiti Perkhidmatan Sukan Dan Motivasi Dengan Pembangunan Modal Insan Berbudaya Sukan. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017.
- Mohd Faizul Mohd Noor, Mohd Saifulkhair Omar & Fauzi Bin Hussin. (2016). Hubungan Iklim Sekolah Dan Stres Guru Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Nerus, Terengganu. *Proceeding Of ICECRS:39-48*.
- Mohd Hafeez Al-Amin Bin Abdul Wahab.(2013). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan Mekanikal Di UTHM. Laporan projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad & Wan Marzuki Wan Ahmad. (2016). Modul Kesediaan Kerjaya Berdasarkan Teori Cognitive Information Processing (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3: 59-75.
- Mohd Shahrir Bin Abdullah. (2015). Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar – Pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan. Laporan projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Muhamad Mazlan Bin Abdul Majid. (2015). Elemen Merentas Kurikulum (EMK) Serta Penerapan Etika Keusahawanan Islam Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam KSSR. *Konvensyen Keusahawanan Islam Malaysia Kali Ke-11 (ICEPS11)*, Universiti Sains Islam Malaysia: 156-166.
- Muhamad Mazlan Bin Abdul Majid. (2015). Elemen Merentas Kurikulum (Emk) Serta Penerapan Etika Keusahawanan Islam Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Pendidikan Islam KSSR. *Konvensyen Keusahawanan Islam Malaysia Kali Ke-11 (iCEPs11)*.Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nik Badrul Hisham Bin Nik Ismail & Mastura Mahfar. (2015). Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Pengetua Dengan Motivasi Dalam Kalangan Guru SMK Harian Daerah Kluang, Johor. *Sains Humanika*, 1: 9–18.
- Nor Azira Ayob, Sity Daud & Muhamad Takiyuddin Ismail. (2016). Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12, 10: 56-67.
- Nor Ba' Yah Abdul Kadir. (2014). Big Five Inventory – BFI 10 (Rammstedt & John, 2007). Versi Malaysia. [\(20/7/2018\)](http://www.jkm.gov.my).
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin & Rahmah Ismail. (2012). Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding PERKEM,VII*, (1): 435 – 445.
- Normala Binti A.Manaf. (2013). Keserasian Personaliti Pelajar Dengan Kerjaya Agen Pengembangan. Laporan Projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Nurul Hudani Md. Nawawi, Ma'rof Redzuan & Noor Hisham Md Nawawi. (2016). Hubungan Antara Tret Personaliti Kehematan, Keterbukaan Pada Pengalaman, Ekstraversi Dan Kesetujuan Dengan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Pemimpin Pendidik Bagi Sekolah Prestasi Tinggi (SBT) Di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (1): 102-112.
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Statistik Pelajar Sekolah Menengah. <https://www.moe.gov.my>statistik-kpm>. [27 Ogos 2018].

- Punnithann Subramaniam & Tajularipin Sulaiman. (2017). Hubungan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Metakognitif Terhadap Pengajaran Secara Kerja Buat dalam Kalangan Guru Sains Sekolah Rendah di Daerah Jempol. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, (1): 6-8.
- Ravi A/L Nagarathanam. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. Tesis Fakulti Pendidikan UKM.
- Robbins, S.P., & Judge, T.A. (2013). *Organizational Behavior*. (15th ed.). United States: Pearson Education Limited.
- Rossen Din. (2017). *Asas Pendidikan dan Kejurulatihan ICT*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Sajjad Hussain, Muhmmad Abbas, Khurram Shahzad & Syeda Asiya Bukhari. (2012). Personality and career choices. *African Journal of Business Management*, (6):2255-2260.
- Salmianti Binti Mutalib. (2013). Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno Social*: 38-50.
- Satriadi, Mohd Koharuddin Bin Mohd Balwi & Muammar Rosyadi Manullang. (2015). Pengaruh Etika Kerja Islam Terhadap Prestasi Kerja Guru Pada Sekolah Dasar Negeri Kecamatan Tanjungpinang Timur. *International Conference On Human Resource Development 2015*: 85-93.
- Shafinaz A. Maulod, Chua Yan Piaw, Hussein Ahmad, Leong Mei Wei & Shahrin Alias. (2016). Ecerdasan Emosi Pengetua Dan Hubungannya Dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, (3): 54-75.
- Sherry T. (2014). *Personality Theories Educational Psychology*. EBSCO Research Starters:1-12.
- Siti Syuhada Abd Rahman, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri, & Suhaila Nadzri. (2015). Kompetensi Keusahawanan Diri Dalam Kalangan Mahasiswa Yang Mengambil Kursus Keusahawanan Di Universiti. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM)*: 372-384.
- Suhaila Nadzri, Nur Shakina Mohd Sultan & Nuzul Akhtar Baharudin. (2016). Kecenderungan Pelajar Asnaf Dalam Menceburi Dunia Keusahawanan. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM) 31st October - 1st November 2016*.
- Srivastava, S.(1999). *Measuring the Big Five Personality Factors*. Retrieved. <http://psdlab.uoregon.edu/bigfive.html> [20/7/2018]
- Suhaili Binti Mohd Yusoff & Khaliza Binti Saidin. (2016). Tahap Iklim Sekolah, Tahap Komitmen Guru Serta Hubungan Di Antara Iklim Sekolah Dengan Komitmen Guru Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Machang, Kelantan. *Proceeding Of ICECRS*: 635-646.
- Syamimi Mansor, Mohd Abdullah Jusoh & Rusliza Yahaya. (2016). Iklim Organisasi, Ciri Personaliti Dan Prestasi Kerja Syarikat Teras Bumiputera. *Jurnal Peradaban Melayu*, 11: 56-64.
- Syazwani Yahaya & Iklima Husna Abdul Rahim. (2015). Hubungan Antara Faktor Latar Belakang Pekerjaan Ibu Bapa Terhadap Minat Keusahawanan Pelajar MRSM. *International Conference On Human Resource Development 2015*: 45-50.
- Tengku Noorainun Tengku Shahdan. (2016). Reka Bentuk Model Kompetensi Kerja Staf Akademik Institusi Pengajian Tinggi Swasta Malaysia. *Kertas Projek Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur*.

- Voight A, Hanson T, O'Malley M, & Latifah Adekanye. (2015). The Racial School Climate Gap: Within-School Disparities in Students' Experiences of Safety, Support, and Connectedness. *Am J Community Psychol*, 56: 252–267.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. (2016). Kebaikan Pekerjaan Keusahawanan Sebagai Pengantara Antara Faktor- Faktor Peramal dan Kecenderungan Pelajar Menceburi Kerjaya Keusahawanan. *Sains Humanika*. 8: 23–29.
- Zairoslawanee Binti Zaib. (2014). Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas Di Sekolah Menengah Kluster Di Kelantan. Laporan projek Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Ziegler, M., Bensch, D., Maab, U., Schult, V., Vogel, M., & Buhner, M. (2014). Big Five factes as Predictor of Job Training Performance: The Role of Specific Job Demands. *Learning and Individual Differences*, 29: 1-7.
- Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof. (2015). Trait Personaliti Dan Hubungan Dengan Prestasi Akademik Bakal Guru Di Sebuah Institusi Latihan Perguruan. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8: 171-180.
- Zulfaka Ishak, Nor Aishah Buang & Lilia Halim. (2014). Ciri-Ciri Dan Tahap Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesiediaan Integrasi Pemikiran Keusahawanan Dalam Proses Pengajaran Guru-Guru Sains Di MRSM. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1: 53-64.